

# UMS lancar geran bantuan penyelidikan sebanyak RM2 juta

UB 21.1.16 A4

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL


KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melancarkan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGReat) sebanyak RM2 juta bagi menggalakkan budaya penyelidikan dalam kalangan pelajarnya.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, pihaknya berharap ia mampu menggalakkan penyelidikan asas dan gunaan untuk menjana ilmu bagi menyumbang peningkatan intelektual, penciptaan teknologi baharu dan budaya dinamik.

"Geran ini akan diagih-agihkan kepada pelajar pascasiswazah yang memerlukan dana khususnya yang dibawah seliaan penyelia dan tidak mempunyai sebarang dana penyelidikan."

"Dengan itu, mereka mampu memberikan fokus dalam pelaksanaan penyelidikan yang dilakukan dan tidak timbul dari segi masalah kewangan," katanya pada sidang media selepas pelancaran UMSGReat dan Unit Terjemahan UMS, di sini kelmarin.

Sementara itu, berkenaan pelancaran Unit Terjemahan UMS, Harun berkata seramai enam guru bahasa telah pun dikenal pasti untuk



**HARUN (dua kanan) menyampaikan geran bernilai RM2 juta kepada Sharil.**

ditempatkan di unit terbabit iaitu di bawah seliaan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).

Menurutnya, unit itu dibantu oleh kekuatan pelajar dan pensyarah dalam penulisan laporan kajian bagi tujuan penerbitan.

"Penubuhan unit ini juga akan membantu pensyarah yang menulis artikel penyelidikan ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris untuk diterbitkan di antarabangsa."

"Ia juga bertujuan memperkemaskan kertas kerja yang dilakukan sebelum dihantar kepada peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam perkembangan lain, UMS turut mengadakan Taklimat formula pendanaan baharu dan petunjuk prestasi utama UMS 2016 kepada seluruh warga kakitangan universiti.

Taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Akademik (PPSA) UMS Prof Dr Marcus Jopony itu antara lain bertujuan berkongsi maklumat berkenaan pengurangan peruntukan belanja mengurus (OPEX) bagi tahun 2016 serta formula pendanaan baharu.

Terdahulu dalam ucapan dasarnya, Harun berkata

walaupun universiti berdepan kekangan kewangan namun UMS akan terus komited untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai peneraju pendidikan tinggi yang disanjungi serta menjayakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

"Untuk itu, saya menggesa semua warga UMS untuk berubah dan mengubah baik dari aspek minda, sikap, tabiat mahupun amalan bekerja," katanya.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Sharil Yusof dan tetamu kehormat yang lain.